

16 SEP 2001

FBI SEHARUSNYA BERHUBUNG DENGAN PIHAK BERKUASA MALAYSIA -- PM

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat seharusnya berhubung dengan pihak berkuasa Malaysia jika ia mempunyai maklumat bahawa seorang daripada mereka yang disyaki perampas kapal terbang yang merempuh Pentagon di Washington Selasa lepas telah dilihat di Malaysia satu masa dahulu.

"Saya tidak tahu sama ada mereka sudah berhubung dengan pihak berkuasa kita secara rasmi," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita di Pusat Akuatik Nasional di sini hari ini.

Apabila diberitahu oleh wartawan bahawa timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyatakan terdahulu bahawa FBI setakat ini tidak ada menghubungi pihak berkuasa Malaysia mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata mereka (FBI) seharusnya berhubung dengan pihak berkuasa Malaysia.

Beliau telah diminta mengulas laporan media asing bahawa Khalid Al-Midhar telah dilihat dalam pita pemantauan dari Malaysia sedang menemui seorang lelaki yang disyaki oleh pegawai Amerika memainkan peranan dalam serangan Oktober 2000 terhadap kapal perang USS Cole di pelabuhan Aden, Yemen.

Laporan itu juga menyatakan bahawa Al-Midhar dan seorang lagi lelaki yang disyaki perampas pesawat itu berada dalam pemantauan sebelum serangan ke atas kompleks ketenteraan Amerika itu.

-- BERNAMA

JM ZS JK NMO